

# MTDC terima geran teknologi RM300j

**BANGI** 22 Julai - Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) telah menerima peruntukkan sebanyak RM300 juta untuk menguruskan geran teknologi termasuk geran pengkomersialan pembangunan dan penyelidikan (CRDF) dan geran perolehan teknologi (TAF).

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop, setakat ini, MTDC telah meluluskan pemberian geran kepada 94 syarikat dengan projek bernilai RM161.6 juta di bawah CRDF.

"Manakala di bawah geran TAF pula sebanyak 22 syarikat dengan projek bernilai RM21.5 juta telah diluluskan.

"Selain bantuan kewangan, kerajaan juga membantu dalam memberikan pelbagai bentuk sokongan lain seperti program pemuliharaan, kemudahan infrastruktur dengan R&D yang berterusan serta kepaka-

**Negara juga sedang melalui transformasi daripada penggunaan intensif tenaga buruh kepada berteraskan pengetahuan termasuk kemahiran teknologi**

**NOR MOHAMED YACOP**  
Menteri Kewangan Kedua

ran teknikal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran program dokumentari televisyen *Winners TV3* dengan kerjasama MTDC.

Selain itu, dalam usaha kerajaan menjadikan sains dan teknologi sebagai penjana ekonomi negara, bilangan penyelidik, saintis dan jurutera akan ditingkatkan.

"Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menarik minat rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang bekerja di sini.

"Antara usaha yang dijalankan termasuklah menyediakan peluang

pekerjaan dengan kerajaan atau swasta dan mengurangkan karenah birokrasi kepada mereka," katanya.

Tambah Nor Mohamed, negara juga sedang melalui transformasi daripada penggunaan intensif tenaga buruh kepada berteraskan pengetahuan termasuk kemahiran teknologi.

"Kini banyak negara luar sudah mengakui kedudukan Malaysia sebagai pengeluar produk-produk berkualiti dan berteknologi, dan kerajaan akan membantu mereka memasarkan produk tersebut," jelasnya.